

# PELUANG ANGGOTA MENGIKUTI KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMA)



Dari kiri Rodziah Jamaah (Pengurus Besar KNSTP), Amir Mat Kupli (Pengurus KNSTP), Zakri Ariffin (Penceramah), Ahmad Fadzly Gustar Affendi (Penceramah), Hashim Jaferi (Anggota KNSTP) dan Asrul Nizam Kadir (Anggota KNSTP).



Suasana dalam kelas Kursus Pengurusan Dobi



Peserta Kursus Pengurusan Dobi bergambar beramai-ramai selepas kursus.



Bangunan IKMA di Jalan Templer, Petaling Jaya dimana beberapa kursus diadakan disini

**3 Julai 2024** - Institut Koperasi Malaysia (IKMA) yang sebelum ini dikenali sebagai Maktab Kerjasama Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi di negara ini.

Fungsi Ikma ialah menyediakan kursus dalam bidang koperasi dan penganugerahan diploma, Percetakan dan penerbitan dalam bidang koperasi, Usahasama dengan IPT/badan professional dalam dan luar negara bagi menjalankan kursus koperasi, Penyelidikan Bidang Koperasi, Khidmat Perundingan Koperasi dan Menasihati Menteri.

Sebagai anggota koperasi, anda layak mengikuti kursus disini. Ikma menyediakan pelbagai kursus dalam bidang terutama dalam bidang Pengurusan Koperasi, Perakaunan dan Kewangan, Pengurusan Perniagaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sektor Keberhasilan dan Pendidikan Tinggi.

Baru-baru ini pada 26 & 27 Jun 2024, Ikma telah menganjurkan Kursus Pengurusan Dobi kepada koperasi dan anggota koperasi. Objektif kursus adalah untuk melihat potensi perniagaan dobi dan cara menguruskannya. Wakil Koperasi NSTP yang menghadiri kursus ini adalah Rodziah Jamaah, Pengurus Besar KNSTP dan Amir Mat Kupli, Pengurus KNSTP. Turut hadir adalah dua orang anggota Koperasi NSTP iaitu Hashim Jaferi dan Asrulnizam Kadir.

Sekiranya anggota berminat untuk mengikuti kursus di Ikma, boleh layari laman web di <https://www.ikma.edu.my/ms/> dan klik ikon kursus dibahagian bawah kiri laman web. Yuran pendaftaran adalah tanggungan anggota sendiri.

#KOOPNSTP

#MAJUKOPERASIA NGGOTABAHAGIA